



16 FEB, 2024

66 peratus responden menentang kenaikan SST

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

66 peratus responden menentang kenaikan SST

Hasil kajian UCSI University mendapati 13 peratus menyokong, 21 peratus lagi neutral

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA
SHAH ALAM

Kajian dilakukan Pusat Penyelidikan Undian UCSI University mendapati 66 peratus rakyat Malaysia menentang kenaikan kadar cukai jualan dan perkhidmatan (SST).

Menurut badan penyelidikan itu, kajian tersebut melibatkan 1,007 responden. Katanya, 13 peratus menyokong dan 21 peratus lagi memberi reaksi neutral terhadap isu berkenaan. “Berdasarkan keputusan hasil tinjauan itu, 71 peratus bersetuju bahawa kerajaan memberikan sebab yang sesuai untuk kenaikan cukai, 24 peratus tidak bersetuju dengan kenaikan ini dan 5 peratus tidak pasti. “Selain itu sebanyak 55 peratus memberikan respons negatif terhadap kenaikan SST, 24 peratus berpendapat ia tidak memberikan sebarang kesan, 16 peratus memberikan respons positif, dan lima peratus tidak pasti mengenai kesan cukai ini terhadap kewangan peribadi



CUKAI PERKHIDMATAN 6% KEPADA 8%

KADAR CUKAI PERKHIDMATAN UNTUK

- PERKHIDMATAN LOGISTIK
- PEMBROKERAN
- PENAJAJAMINAN
- KARAOKE



MAKANAN, MINUMAN & TELEKOMUNIKASI SUPAYA TIDAK MEMBEBAHKAN RAKYAT

TIDAK TERMASUK

Kenaikan cukai perkhidmatan beri kesan rantaian besar dalam pasaran ekonomi.

mereka,” ujarnya dalam satu kenyataan pada Khamis. Terdahulu, Jabatan Kastam Diraja Malaysia

(JKDM) mengumumkan kenaikan SST daripada enam peratus kepada lapan peratus bermula Mac 2024.



16 FEB, 2024

66 peratus responden menentang kenaikan SST

Sinar Harian, Malaysia



SUMMARIES

Hasil kajian UCSI University mendapati 13 peratus menyokong, 21 peratus lagi neutral

Kajian dilakukan Pusat Penyelidikan Undian UCSI University mendapati 66 peratus rakyat Malaysia menentang kenaikan kadar cukai jualan dan perkhidmatan (SST).

Menurut badan penyelidikan itu, kajian tersebut melibatkan 1,007 responden. Katanya, 13 peratus menyokong dan 21 peratus lagi memberi reaksi neutral terhadap isu berkenaan.